

**PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER
PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM**



Peperiksaan Akhir Semester Program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM bagi Semester I, Sesi 2017/2018 telah berjalan dengan jayanya bermula 2hb. hingga 18hb. Januari 2018. Peperiksaan Akhir ini diadakan di semua pusat pembelajaran seluruh Malaysia yang melibatkan seramai 4,578 pelajar aktif dan mendaftar kursus.

Manakala, Peperiksaan Akhir Semester II, Sesi 2017/2018 Program Diploma Pengajian Separuh Masa UTM telah diadakan dengan jayanya bermula 5hb. hingga 21hb. Mac 2018. Peperiksaan Akhir ini diadakan di pusat pembelajaran Johor Bahru dan Kuala Lumpur yang melibatkan seramai 154 pelajar aktif dan mendaftar kursus.



PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU UTM-INTERNATIONAL DEGREE PROGRAMME (UTM-IDP) PENGAMBILAN FEBRUARI 2018

STATISTIK UTM-INTERNATIONAL DEGREE PROGRAMME AMBILAN FEBRUARI 2018

	Antarabangsa	Tempatan	Jumlah
Mohon	320	341	661
Tawar	75	5	80
Daftar	46	0	46

STATISTIK MENGIKUT NEGARA

NEGARA	PELAJAR
Bangladesh	8
Cambodia	1
Cameroon	22
Gambia	1
Iraq	10
Nigeria	2
Philippines	1
Zambia	1
JUMLAH	46

RESEPSI DAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU UTM-INTERNATIONAL DEGREE PROGRAMME (UTM-IDP) PENGAMBILAN FEBRUARI 2018

Pada 29hb Januari 2018 yang lalu, majlis resepsi bagi pelajar baharu UTM International Degree Programme (UTM IDP) bagi pengambilan Februari 2018 telah di adakan di Blok T05, UTMSPACE, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor. Manakala pada 6hb dan 7hb. Februari 2018 telah berlangsungnya pendaftaran untuk pelajar baharu bagi program tersebut di Blok F54, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor. Mereka telah diberi penerangan dan panduan tentang suasana pembelajaran di UTM oleh pegawai daripada UTM dan UTMSPACE.

SEKITAR HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU UTM-INTERNATIONAL DEGREE PROGRAMME (UTM-IDP) PENGAMBILAN FEBRUARI 2018



FORUM KEPIMPINAN P2A DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Forum Kepimpinan 2 ASEAN (P2A) dan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) telah diadakan pada 29 - 30 Januari 2018. Ia telah menarik minat 55 orang delegasi dari pelbagai negara termasuk Vietnam (14 orang), Filipina (10 orang), Indonesia (8 orang),

Kemboja (4 orang), Myanmar (2 orang), Singapura (5 orang), Thailand (9 orang) dan Malaysia (3 orang). Forum Kepimpinan 2 ASEAN (P2A) dan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ini adalah anjuran UTMSPACE dan berkolaborasi bersama dengan Pejabat Sekretariat P2A Thailand.




LAWATAN KE HKUSPACE, HONG KONG

Pada 13 Februari 2018, UTMSPACE telah mengadakan lawatan ke HKUSPACE dan HKUSPACE International College, di Hong Kong.

Dato 'Abu Bakar Mohd Nor, Pengerusi Lembaga Pengarah UTMSPACE telah mengetuai delegasi tersebut. Semasa lawatan, majlis Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTMSPACE dan HKUSPACE telah diadakan dan beberapa perjanjian kerjasama telah ditandatangani antara kedua-dua belah pihak.





LAWATAN KE UNIVERSITI DI BANDUNG, INDONESIA

Pada 5 - 7 Februari 2018 yang, deligasi daripada UTMSPACE iaitu Dr Low Hock Heng dan Encik Jimmy Ngow melawat ke beberapa universiti di Bandung Indonesia. Antara universiti yang dilawati adalah, Universiti Pasunda, Sekolah Tinggi Teknologi Bandung, Universiti Telkom, Politeknik Pos Indonesia dan Universiti Majalengka Bandung. Mereka juga melawat Pengambilan JAC untuk mempromosikan Program Pembangunan Profesional, Program UTM - IDP dan produk UTMSPACE yang lain.



EMGS KARNIVAL AYO KULIAH DI MALAYSIA!


Pameran pendidikan yang dianjurkan oleh Global Malaysia Global Services (EMGS) telah diadakan di Kedutaan Malaysia, di Jakarta, Indonesia pada 9 - 12 Mac 2018 yang lalu. Terdapat lapan buah IPTA, 20 IPTS dan 7 organisasi dari Malaysia dan Indonesia telah menyertai ekspo tersebut. Lebih daripada 2000 pengunjung telah menghadiri ke pameran tersebut. Ia memberi peluang kepada umum khususnya warga Jakarta tentang peluang pengajian di Malaysia.



LAWATAN VALIDASI KE AVID COLLEGE, MALDIVES

Pada 10 - 12 Mac 2018, empat orang perwakilan dari QRIM dan UTMSPACE telah melawat ke Avid College (AVC) Maldives. AVC College telah berminat untuk bekerjasama dengan UTMSPACE untuk menawarkan program UTM di Maldives. Perwakilan daripada UTMSPACE juga telah membuat lawatan mesra ke pejabat pihak berkuasa polis Maldives untuk membincangkan peluang kerjasama yang boleh dilaksanakan.





HADIR PERAYAAN NAVRUZ DI KEDUTAAN UZBEKISTAN, KUALA LUMPUR

Pada 15 Mac 2018, Perwakilan daripada UTMSPACE, yang diwakili oleh Cik Angela Pok Wei Fun, Encik Ashraf Zainal Mokhtar dan Encik Afanasiy Li Valentovich, telah menghadiri ke acara Perayaan Navruz di Kedutaan Uzbekistan, Kuala Lumpur. Di dalam acara tersebut, pihak kedutaan telah melancarkan sebuah buku yang bertajuk Uzbekistan The Guide pada majlis tersebut.



PERSIDANGAN PERSATUAN ASIA PASIFIK UNTUK PENDIDIKAN ANTARABANGSA (APAIE) 2018 DI SINGAPURA.

Pada 26 - 28 Mac 2018, UTMSPACE telah mengambil bahagian di dalam Persidangan Persatuan Asia Pasifik untuk Pendidikan Antarabangsa (APAIE) 2018 (APAIE Coference) yang diadakan di Expo Marina Bay Sands dan Dewan Konvensional di Singapura. Deligasi UTMSPACE telah diwakili oleh Cik Angela Pok Wei Fun dan Li Afanasy Valentinovich. Di dalam persidangan tersebut, terdapat banyak peluang yang diperolehi bagi mendapatkan menjalinkan kerjasama dengan rangkaian universiti dan institusi pengajian antarabangsa yang lain.



TELKOM UNIVERSITY, INDONESIA MENGUNJUNGI UTM DAN UTMSPACE

Pada 28 Mac 2018 yang lalu, Deligasi daripada Universiti Telkom Indonesia, yang diwakili seramai 70 orang pelajar dan lima orang pensyarah dari universiti tersebut, telah membuat lawatan ke UTM dan UTMSPACE. Mereka telah dibawa untuk melawat ke beberapa Pusat Kecemerlangan di UTM dan antaranya adalah seperti Wireless Communication Centre (WCC) dan Media and Game Innovation Centre of Excellence (MagicX). Dalam acara lawatan tersebut, Letter of Intent (LoI) telah ditandatangani di antara kedua dua belah pihak antara UTMSPACE dan Universiti Telkom.



SELAMAT DATANG PELAJAR UTM IDP CAMEROON

Pada 17 April 2018, UTMSPACE telah mengalu-alukan kehadiran sekumpulan 22 orang pelajar dari Cameroon yang akan melanjutkan pengajian di UTM. Mereka akan menyertai ke Program Bahasa Inggeris dilaksanakan oleh UTMSPACE sebelum mereka ke fakulti yang dipilih untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda di UTM.



Carta Latihan dan Kursus Pendek yang dijalankan oleh Pusat Pembangunan Profesional UTMSPACE

No	Tarikh	Tajuk Kursus	Peserta
1	2/01- 23/2/18	Advanced Office Management	Royal Navy of Oman
2	21 – 28/2/18	Medical Biotechnology	Ministry of Health and Family Welfare (MOHFW), Bangladesh
3	7 – 9/4/18	Food Safety, Security, Handling and Management	Ministry of Food, Bangladesh
4	15 – 18/4/18	Supply Chain Management	Ministry of Health and Family Welfare, Bangladesh
5	25/4 – 2/5/18	Programme Planning and Management	Ministry of Health and Family Welfare, Bangladesh



PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL

Sepanjang bulan Januari hingga April 2018, Pusat Pembangunan Profesional telah melaksanakan sejumlah 37 program yang merangkumi kursus pendek (secara public mahupun in-house), sijil profesional serta seminar dan simposium dengan jumlah penyertaan seramai 2,713 orang. Program yang dilaksanakan juga termasuklah secara kerjasama dengan Rakan Kerjasama PPP. Berikut adalah senarai program tersebut:

NO.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1	7 th Passage to Asean Partners' Meeting & 2 nd P2A Annual General Meeting	28 - 31 Jan	UTM Kuala Lumpur	55 orang
2	Sijil Profesional Pendidikan Awal Kanak-kanak - Akademi Profesional Starain	3 Feb - 29 Apr	Kuala Lumpur	7 orang
3	Bridging Programme Sem II 2017/2018	12 Feb - 23 Jun	UTM Johor Bahru	127 orang
4	Kursus Asas Psikologi dan Perkembangan Awal Kanak-kanak - Akademi Profesional Starain	11 Mac	Kuala Lumpur	20 orang
5	English for Communication & Basic Computer Skills	12 Mac - 14 Jun	UTMSPACE Johor Bahru	5 orang
6	Sijil Profesional Pembinaan (Penyeliaan Projek)	24 Mac - 24 Jun	UTMSPACE Kuala Lumpur	10 orang
7	P2A: Chiang Mai Rajabhat University Thailand	26 - 29 Mac	UTM Kuala Lumpur	14 orang
8	Short Course on Efficient Energy Management in Commercial and Industrial Buildings - CEES UTM	27 - 28 Mac	UTM Johor Bahru	6 orang
9	Professional Certificate in Protective Management Skills - Close Range Management Sdn. Bhd.	29 Mac - 9 Mei	Pusat Latihan Polis Bantuan, Felda Bukit Rokan, Gemencheh Negeri Sembilan	13 orang
10	English for Communication Skills - HUASHI	29 Mac - 30 Jun	Kuala Lumpur	15 orang
11	IEP Trip: Melaka	31 Mac	Melaka	55 orang
12	Microsoft Project for Civil Engineering - IKTBN Bachok	17 - 18 April	IKTBN Bachok	10 orang
13	Seminar Eksklusifkan Dirimu (SEMIX-D 2018)	18 April	Grand Paragon Hotel Johor Bahru	140 orang

14	Kursus Asas Psikologi dan Perkembangan Awal Kanak-kanak - Akademi Profesional Starain	22 April	Kuala Lumpur	22 orang
15	2018 International Symposium on Lifelong Learning (ISLLE2018)	24 - 25 April	UTM Kuala Lumpur	363 orang
16	Kursus Pengacaraan Majlis: Pengacara Kreatif, Majlis Berprestij	25 - 26 April	Swiss-Garden Hotel Melaka	8 orang
17	GLL1029 : ISO 9001:2015 Quality Management System Requirement – 9 program	Sem II Sesi 2017/2018	UTM Johor Bahru	539 orang
18	GLL1040 : Occupational Safety & Health Environment (OSHE) – 9 program	Sem II Sesi 2017/2018	UTM Johor Bahru	549 orang
19	GLL1041 : How to Manage Your Personal Finance – 3 program	Sem II Sesi 2017/2018	UTM Johor Bahru	755 orang

PASSAGE TO ASEAN (P2A) BERSAMA CHIANG MAI RAJABHAT UNIVERSITY, THAILAND

Seramai 13 orang pelajar dan seorang pensyarah dari Chiang Mai Rajabhat University, Thailand, telah menyertai program Passage to ASEAN pada 26 - 29 Mac 2018 yang lalu. Manakala empat orang kakitangan UTMSPACE JB dan KL telah mengiringi deligasi daripada Thailand tersebut sepanjang program itu berlangsung. Mereka telah di bawa ke tempat-tempat yang menarik dan ikonik di Malaysia dan antaranya adalah Pasar Seni, Petaling Street (Chinatown), Muzium Negara, Muzium Coklat by Fidani, KLCC dan Bukit Bintang. UTMSPACE berharap agar program ini dijadikan titik permulaan bagi mengukuhkan hubungan antara UTMSPACE dan universiti - universiti dari negara ASEAN yang lain.



SIDANG RIDAKSI

Editor | MOHAMAD FAHMI B. AMAT EASAN Grafik | MARIA BINTI AHMAD
Fotografi | SYED MUHAMMAD HILMI BIN SYED YAHYA